

KHUTBAH JUMAAT

“DADAH DIJAUHI, NEGARA HARMONI”
(11 Ogos 2023M/ 24 Muharam 1445H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الْغَنِيِّ الْحَمِيدِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ
لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan menunaikan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga kita beroleh kejayaan, kebahagiaan dan keselamatan di dunia dan di akhirat.

Khatib mengingatkan para jemaah agar memberi sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara-perkara yang boleh mengurangkan pahala Jumaat seperti berbual-bual dan menggunakan telefon. Oleh itu, marilah kita bersama-sama mendengar dan menghayati khutbah yang bertajuk :
‘Dadah Dijauhi, Negara Harmoni’.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Isu dadah merupakan isu yang serius dalam Negara kita kerana impaknya bukan sahaja kepada individu terlibat malah mampu

melumpuhkan sesebuah negara. Lantaran itu, dadah telah diisytiharkan sebagai musuh utama negara sejak tahun 1983. Ini kerana penyeludupan, pengedaran dan penyalahgunaan dadah memberi ancaman besar kepada sistem sosial, ekonomi dan keselamatan negara. Oleh itu, kita semua perlu berganding bahu dan bersepakat untuk memerangi dadah hingga ke akar umbi.

Sesungguhnya, penyalahgunaan dadah dilarang dari segi syarak dan undang-undang negara kerana boleh memberikan kesan-kesan negatif yang memudaratkan diri sendiri, keluarga, masyarakat dan negara. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah al-Baqarah, ayat 195 :

وَأَنْفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ ۚ وَأَحْسِنُوا ۚ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ

Maksudnya: *Dan belanjakanlah apa yang ada pada kamu kerana menegakkan agama Allah, dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam kebinasaan dengan tangan sendiri, dan berbuat baiklah. Sesungguhnya, Allah menyukai orang yang berbuat baik.*”

Kaum muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Dadah merujuk kepada bahan psikoaktif yang mengubah pemikiran, emosi dan tingkah laku individu. Penyalahgunaan dadah menyebabkan ketagihan dan boleh merosakkan akal. Kesannya boleh menyebabkan gangguan kepada kesihatan mental dan boleh

menjurus kepada perlakuan kes-kes jenayah seperti pembunuhan, ragut dan sebagainya.

Masalah penyalahgunaan dadah memperlihatkan perubahan trend yang semakin ketara iaitu daripada penggunaan dadah jenis organik seperti ganja dan heroin kepada dadah sintetik seperti syabu, pil kuda, ecstasy serta penyalahgunaan bahan seperti gam, petrol dan sebagainya.

Realitinya, kita dapati jumlah individu yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah dan bahan semakin meningkat. Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) melaporkan bahawa sehingga September 2022 jumlah penagih adalah sebanyak 129,092 orang dengan peningkatan sebanyak 14.5 peratus berbanding tempoh yang sama pada tahun 2021. Apa yang membimbangkan daripada jumlah tersebut, 83.4 peratus atau 107,633 orang adalah beragama Islam. Ini ditambah dengan kategori penagihan yang melibatkan kategori umur belia belasan tahun.

Isu yang lebih serius, apabila anak-anak terbiar akibat ibu bapa terlibat dengan penagihan, keluarga terancam dengan ketidakfungsian sistem keluarga dan masyarakat berantakan kerana sistem sosial yang tidak teratur. Senario ini juga memberi kesan terhadap agama dan kestabilan negara kita pada masa akan datang.

Ibu bapa dan anak-anak yang berhadapan dengan ahli keluarga yang terlibat dengan masalah penagihan dadah akan mengalami tekanan emosi seperti rendah diri, kemurungan, berasa diri

disisihkan serta menimbulkan stigma dalam diri mereka akibat daripada diskriminasi yang dihadapi. Jika keadaan ini berterusan akan menyebabkan mereka tidak produktif serta tidak dapat berperanan sebagai anggota keluarga, masyarakat dan negara dalam erti kata yang sebenar.

Inilah antara kesan buruk akibat penyalahgunaan dadah. Suasana kehidupan masyarakat tidak tenteram, terancam, paranoid dan struktur komuniti atau masyarakat yang terancam. Ini akan mengurangkan interaksi dalam masyarakat dan tidak kreatif untuk menghadapi situasi yang mengancam. Akhirnya komuniti di kawasan tersebut kurang efektif dan tidak mampan dari segi kemajuan serta pembangunan.

Sememangnya kita perlu menyedari dan mengambil tahu bahawa penyalahgunaan dadah memberi kesan kepada sosial yang menyebabkan keretakan hubungan dengan anggota keluarga, rakan-rakan dan komuniti. Manakala dalam aspek kapital pula akan menyebabkan kesan kepada ekonomi dan menggagalkan usaha pembangunan negeri dan negara ke arah status negara maju serta akhirnya akan merugikan negara.

Kaum muslimin yang dikasihi Allah,

AADK adalah agensi yang melaksanakan perkhidmatan pencegahan, penguatkuasaan dan merawat pulih individu yang terjebak dengan masalah penagihan dadah hampir empat dekad lamanya.

Namun begitu, usaha-usaha yang dilaksanakan oleh AADK tidak boleh dilaksanakan sendirian dan perlu diperjuangkan secara kolektif dan berterusan. Bersesuaian dengan tema Peringatan Hari Antidadah Kebangsaan pada tahun ini iaitu “Lebih Baik Cegah”. Semua pihak sama ada individu, kumpulan, keluarga, majikan, pemimpin masyarakat, pertubuhan-pertubuhan dan jabatan-jabatan kerajaan perlu memainkan peranan dan tanggungjawab dalam memastikan masyarakat bebas daripada dadah.

Sebagai individu, kita yang mempunyai keluarga hendaklah memainkan peranan untuk memastikan ahli keluarga tidak terlibat dalam penyalahgunaan dadah. Hubungan kekeluargaan perlu dieratkan, pantau pergerakan dan pergaulan anak-anak dan ahli keluarga serta ambil tahu setiap aktiviti yang dilakukan oleh mereka agar terhindar daripada terjerumus dengan permasalahan dadah dan sosial.

Institusi pendidikan juga perlu memainkan peranan penting dalam membendung gejala ini. Para pelajar dididik dan dibantu sejak awal persekolahan lagi tentang bahaya penyalahgunaan dadah yang jelas haram di sisi syariat. Perkasakan kempen-kempen bahaya penyalahgunaan dadah melalui pendekatan ceramah, latihan dalam kumpulan, kelompok sokongan, perjumpaan dengan orang yang signifikan, pameran interaktif dan sebagainya. AADK sentiasa bersama dengan institusi pendidikan dalam mewujudkan persekitaran yang selamat daripada penyalahgunaan dadah.

Kaum muslimin yang berbahagia,

Majikan juga perlu menggalas tanggungjawab untuk memberikan pendidikan, kesedaran dan menyelia para pekerja agar tidak terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Penglibatan pekerja dalam masalah penagihan dadah akan memberi kesan kepada produktiviti, keselamatan dan imej kepada organisasi dan negara. Oleh itu, majikan perlu memastikan persekitaran kerja yang kondusif dan membantu pekerja yang mempunyai masalah dadah untuk disalurkan untuk intervensi dan pemulihan sewajarnya. Ini bukan sahaja untuk membantu organisasi tetapi juga mewujudkan masyarakat sejahtera dan selamat.

Anggota masyarakat perlu berganding bahu bersama rakan strategik seperti AADK, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan institusi keagamaan untuk menangani masalah penyalahgunaan dadah melalui aktiviti pencegahan dan perkhidmatan rawatan dan pemulihan. Bantulah individu yang terlibat dengan memberi sokongan moral agar mereka segera mendapatkan rawatan dan pemulihan yang sewajarnya. Kita perlu menerima dan jangan sekali-kali menyalahkan mereka yang telah pulih kerana mereka juga mampu memberi sumbangan kepada masyarakat. Bantu untuk mengurangkan diskriminasi dan stigma negatif kepada bekas-bekas penagih dan ahli keluarganya.

Kaum muslimin yang berbahagia,

Antara penghayatan yang boleh dijadikan pedoman melalui khutbah

pada hari ini ialah:

Pertama: Institusi kekeluargaan yang harmoni akan menghindarkan individu daripada terjebak ke kancah penyalahgunaan dadah;

Kedua: Anggota masyarakat perlu sama-sama menggalas tanggungjawab dan saling bekerjasama dalam memastikan kesejahteraan dan keharmonian terpelihara daripada anasir negatif di persekitarannya; dan

Ketiga: Kebersamaan semua pihak sangat perlu dalam mengambil cakna komuniti setempat.

Bagi mengakhiri khutbah, marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah at-Tahrim, ayat 6 :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوا أَنْفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ
عَلَيْهَا مَلَائِكَةٌ غِلَظٌ شِدَادٌ لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ

Maksudnya: *Wahai orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari api neraka yang bahan bakarannya manusia dan batu. Penjaganya malaikat-malaikat yang keras kasar, tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkan-Nya kepada mereka dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan.*

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي
هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ .

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ،
فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum Muslimin yang dirahmati Allah,

Kita hendaklah sentiasa melakukan kawalan sendiri dengan
sebaikbaiknya bagi mengelakkan terdedah kepada bahaya wabak
penyakit. Teruskanlah memohon keampunan dan bermunajat
kepada Allah *subhanahu wata'ala* agar diangkat segala wabak dan
musibah daripada kita dan dikurniakan keselamatan dan
kesejahteraan buat diri, keluarga, masyarakat, negeri dan Negara.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضَى اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيِّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ
وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah! Kurniakanlah kami rezeki yang halal lagi diberkati, hindarilah kami dari sebarang bentuk gejala rasuah dan pelanggaran kepada peraturan dan undang-undang. Kurniakanlah keselamatan dan kesejahteraan, jadikanlah kami ummah yang berkualiti dan berintegriti demi mencapai negara yang aman dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan kami dalam aqidah, ibadah dan akhlak di bawah pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Limpahkanlah ke atas kami

nikmat keselamatan, kesihatan dan keafiatan. Kurniakanlah kesembuhan kepada mereka yang diuji dengan penyakit-penyakit dan bebaskanlah negara kami daripada segala perkara yang tidak diingini dan wabak penyakit.

رَبَّنَا أْتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ،
أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُم لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.